

Razali harap dapat gerakkan rundingan di Yangon

UM 26 NOV 2001

BANGKOK 25 Nov. — Utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail akan kembali ke Myanmar. Selasa ini dan harapan beliau dapat menggerakkan semula rundingan antara junta pemerintah dengan pembangkang prodemokrasi.

Diplomat Malaysia itu dijadual terbang dari Kuala Lumpur ke Yangon awal Selasa ini dan berlepas pulang pada 4 Disember tetapi keterangan lanjut mengenai lawatannya dirahsiakan.

Sumber di Yangon berkata, Razali sudah pasti akan cuba menemui para pegawai tinggi junta yang sama seperti dalam misi-misi terdahulu, di samping mengadakan rundingan baru dengan pemimpin pembangkang, Aung San Suu Kyi.

Dialog bersejarah yang bermula tahun lepas dilihat menemui kebuntuan dalam beberapa bulan lalu dengan kedua-dua pihak enggan membuat sebarang kenyataan mengenai isi kandungan rundingan, kata sumber.

"Tiada kenyataan dikeluarkan kerana kebuntuan telah banyak menimbulkan rasa kecewa tetapi mereka masih berhubung," kata seorang penganalisis tempatan.

Menurut satu lagi sumber baru-baru ini, dialog itu "tidak berjalan sebaik yang dilihat tiga bulan lalu."

Pembangkang, Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) hanya membincangkan dua isu buat masa ini iaitu pembebasan tahanan politik dan pembukaan semula pejabat cawangan NLD di seluruh negara, kata sumber tadi.

Spekulasi

Peranan Razali dalam rundingan masih menjadi bahan spekulasi sementara junta dan NLD dilihat masih berada pada peringkat memupuk keyakinan.

"Saya fikir beliau akan pergi ke sana untuk menggerakkan dialog," kata Sunai Phasuk, seorang penganalisis Forum Asia bagi Hak Asasi Manusia dan Pembangunan yang berpejabat di Bangkok.

"Saya fikir beliau telah

banyak menyumbang kepada dialog tetapi kita perlu menilai dengan teliti sama ada perubahan disebabkan oleh Razali atau orang lain seperti (Perdana Menteri Malaysia), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad," katanya.

Sunai berkata, rombakan kabinet baru-baru ini berikutan pemecatan beberapa pegawai atasan dipercayai dilakukan selepas Mahathir menyuarakan aduan daripada syarikat Malaysia mengenai masalah berurusan dengan kerajaan Myanmar.

Razali selaku utusan khas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dianggap telah berjaya meringkaskan jurang antara junta dengan Aung San Suu Kyi semasa enam lawatannya ke Myanmar sejak Jun 2000.

Sementara itu timbalan menteri luar Myanmar, Khin Maung Win berkata, kemajuan rundingan nampak 'agak lembap' bagi dunia luar tetapi 'bagi kami, rundingan berjalan dengan agak lancar.'

Beliau menambah: "Junta menyedari tentera tidak mungkin memerintah selama-lamanya... kami tidak berhasrat untuk berpaut pada kuasa." - AFP